

SRI PAHANG FC LANCAR JERSI BAHARU MUSIM 2022

KUANTAN, 25 FEBRUARI 2022 : Sri Pahang FC hari ini melancarkan jersi baharu membabitkan aksi di laman sendiri dan tempat lawan bagi saingan musim 2022 menjelang sepak mula Liga Super 5 Mac ini.

Bagi musim ini, pasukan Tok Gajah berkerjasama dengan syarikat pembekal peralatan sukan , Hakka Clo dengan mengekalkan warna tradisi iaitu kuning sebagai warna rasmi jersi tuan rumah.

Bagaimanapun, jersi Sri Pahang FC bagi aksi di tempat lawan pada musim ini menampilkan kelainan dengan pemilihan warna merah jambu.

Ketua Pegawai Eksekutif Sri Pahang FC, YH Dato' Mohammed Suffian Awang berkata, selain itu, jersi kali ini juga membawa imej dan perlambangan Kerajaan Negeri Pahang iaitu ‘Visit Pahang’ dan ‘Invest Pahang’.

“Ini adalah bagi membantu mempromosikan pelancongan di Pahang dan menarik pelabur untuk melabur di Negeri Pahang.

“Perlambangan ini akan diletakkan di jersi sepanjang musim Piala Malaysia ini berlangsung. Terima kasih kepada YAB Menteri Besar Pahang dan YB Setiausaha Kerajaan Pahang yang selama ini banyak membantu skuad Tok Gajah,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Pelancaran Jersi Sri Pahang FC Musim 2022 di Zenith Hotel di sini hari ini.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar, Perlادangan dan Komoditi Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar Haji Shamsudin dan Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang, YB. Dato' Sri Haji Mohd Johari Haji Hussain.

Sehubungan itu, beliau berkata, Sri Pahang FC mensasarkan kedudukan lima teratas dalam Liga Super Malaysia yang akan berlangsung pada bulan hadapan.

Beliau berkata, sasaran itu diletakkan kerana pemain-pemain sedang menyesuaikan diri dengan pasukan.

Sri Pahang FC bakal bertemu Terengganu di laman sendiri pada 5 Mac depan bagi perlawanan pertama kedua-dua pasukan di Stadium Darul Makmur dalam saingan Liga Super. – **PAHANGMEDIA**

Disediakan oleh Unit Komunikasi dan Media Pahang (UKOMP)

#MajuTerusPahang

#Pahang1st


#KerajaanNegeriPahang

#PahangGo

Oleh : Shahrinnahar Latib

Foto : Muhammad Muslimi Abd. Rahim

(LIPUTAN BERGAMBAR)





PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI



PAHANG MEDIA
MUHAMMAD MUSLIMI